


84, mes 229  
17/1/17



# Rujukan tambahan bantu pelajar tingkat pemahaman

*TIDAK* dinafikan buku teks adalah bahan rujukan asas yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Namun realiti kini menunjukkan buku rujukan tambahan terbitan penerbit luar semakin menjadi pilihan dan keutamaan pelajar dalam melengkapkan proses mengulang kaji.

**B**ahan rujukan tambahan kini bersifat komersial dan semakin banyak diterbitkan. Permintaan menggalakkan daripada pelajar, guru dan ibu bapa menggalakkan lebih banyak bahan rujukan berkenaan dicetak.

Terpulang kepada ibu bapa dan pelajar untuk memilih sama ada buku teks mahupun bahan rujukan komersial sebagai bahan utama rujukan.

Bagaimanapun, buku teks yang digunakan di sekolah lebih baik kerana isi kandungannya sentiasa dikemas kini secara berjadual.

Bahan rujukan komersial lebih berorientasikan pemeriksaan semata-mata

berbanding buku teks yang dipilih, ditulis, disusun dan disesuaikan selaras dengan sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran.

Apa yang membezakan buku teks dan rujukan adalah kandungan buku teks selari dengan sukatan Kementerian Pelajaran.

Namun begitu, ini bukan bermaksud buku rujukan tidak bagus, cuma pelajar harus bijak menggabungkan kedua-dua sumber ilmu berkenaan bagi memantapkan pencapaian akademik.

Setiap kali pelajar menggunakan buku teks, mereka mendapat maklumat asas mengenai topik utama setiap mata pelajaran yang



diajar guru berdasarkan silibus Kementerian.

Pelajar mempelbagaikan sumber rujukan dan pembelian bahan rujukan komersial adalah antara amalan perlu diteruskan dalam meningkatkan pemahaman sesuatu mata pelajaran.

Guru juga perlu memainkan peranan penting dalam memberi panduan kepada pelajar untuk memilih bahan rujukan sesuai dengan silibus supaya mereka mendapat bahan rujukan

tambahan berkualiti dalam mempertingkatkan prestasi akademik.

Mengharapkan buku teks semata-mata, tidak relevan dengan senario pendidikan masa kini. Selain buku teks, bahan rujukan lain termasuk internet adalah antara sumber yang perlu dioptimumkan dalam meningkatkan pengetahuan pelajar.